

SEMPENA PERASMIAN KILANG FPG OLEOCHEMICALS SDN BHD

PELABUHAN KUANTAN, PAHANG, 22 Mei 1993

Saya berasa sukacita kerana dapat bersama-sama di sini hari ini untuk menyampaikan sepatah dua kata di upacara pembukaan rasmi Kilang FPG Oleochemicals Sdn Bhd yang dimiliki bersama oleh Kumpulan Felda dan Procter & Gamble dari Amerika Syarikat.

2. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Procter & Gamble serta Felda kerana wawasan dan keusahawanan mereka mewujudkan satu kompleks oleokimia yang begitu besar dan melibatkan modal pelaburan berjuta-juta ringgit. Tidak syak lagi, pelaburan ini adalah wajar kerana ianya bukan sahaja dapat mengukuh dan menambahkan nilai eksport barangan pengeluaran pertanian Malaysia menerusi perusahaan pemerosesan yang lebih canggih, tetapi juga memperkenalkan dan melibatkan pemindahan teknologi oleokimia yang terkini ke Malaysia.

3. FELDA sebagai sebuah agensi pembangunan pertanian yang utama di Malaysia telah mengharumkan nama baik negara daripada segi sosial dan ekonomi. Pada hari ini, dengan penglibatan aktifnya dalam pengeluaran barangan oleokimia, FELDA sekali lagi mengorak langkah ke arah aktiviti hiliran dan perindustrian yang berasaskan pertanian.

4. Perusahaan oleokimia telah dikenalpasti sebagai salah satu industri yang mempunyai potensi cerah di bawah Pelan Induk Perindustrian Malaysia. Ini terbukti dengan kadar pertumbuhannya yang pesat walaupun baru sahaja berkembang di pertengahan pertama dekad yang lalu. Akibat daripada kadar perkembangan yang pesat ini, Malaysia kini menjadi sebuah negara pengeluar oleokimia terkemuka di dunia. Kapasiti pengeluaran oleokimia di Malaysia dijangka mencapai 1.3 juta tan pada tahun 1994 dan keluaran negara kini dianggarkan meningkat kepada 20 peratus hingga 25 peratus jumlah oleokimia dunia yang dihasilkan daripada bahan-bahan minyak yang bukan petroleum.

5. Perkembangan industri ini juga jelas terlihat daripada segi peningkatan penggunaan minyak sawit dan minyak isi sawit oleh sektor oleokimia. Dalam tahun 1989, penggunaan ini merupakan hanya dua peratus daripada pengeluaran negara. Bagaimanapun pada tahun 1995, industri oleokimia diramal menggunakan lebih daripada 10 peratus jumlah barangan hasilan sawit; manakala eksport oleokimia dijangka menyumbangkan 10 peratus daripada jumlah nilai eksport pengeluaran sawit.

6. Satu lagi perkembangan positif yang memberi manfaat kepada pengeluar-pengeluar minyak sayuran ialah peningkatan

penggunaan minyak semulajadi oleh perusahaan oleokimia di seluruh dunia. Sebelum tahun 1990, hanya sedikit sahaja oleokimia disumberkan daripada hasil minyak sawit. Tetapi penggunaan keluaran sawit kini dianggarkan melebihi 10 peratus. Perkembangan dan penukaran yang pesat ini mencerminkan peranan minyak sawit yang kian penting sebagai bahan mentah utama untuk industri oleokimia.

7. Perkembangan ini menjadi perangsang kepada Malaysia, yang merupakan salah sebuah negara pengeluar minyak sayuran terbesar di dunia. Peningkatan penggunaan minyak sawit oleh perusahaan oleokimia menunjukkan 'versatility' minyak ini daripada segi penggunaan sebagai makanan dan bukan-makanan.

8. Selain daripada penggunaan minyak sawit yang bertambah oleh sektor oleokimia, terdapat juga permintaan yang menggalakkan bagi komoditi ini oleh pembeli-pembeli tradisional dan bukan tradisional, yang mana pada satu ketika dulu merasa sangsi terhadap kesan penggunaannya kepada kesihatan. Peningkatan permintaan untuk kegunaan makanan bukan sahaja kerana bilangan penduduk kian meningkat, tetapi juga kerana kesan-kesan penggantian.

9. Manusia seluruh dunia kini semakin sedar terhadap peri mustahaknya kesihatan jasmani dan suasana alam sekitar. Oleh itu, semakin ramai pengguna-pengguna, baik di negara maju dan juga di negara yang sedang membangun mula menukar penggunaan daripada lemak haiwan kepada minyak-minyak sayuran tanpa kolesterol. Oleh itu, eksport minyak sawit meningkat dengan pesatnya semenjak awal tahun 1990. Pada umumnya, ini disebabkan oleh usaha-usaha gigih sektor awam dan swasta yang menjalankan penyelidikan dan penyebaran maklumat mengenai ciri-ciri dan sifat-sifat kimia minyak sawit yang berkhasiat dan bermanfaat kepada manusia.

10. Minyak sawit ialah satu-satunya minyak makan yang kerap dan amat mendalam diselidiki oleh ahli saintis dan para pakar makanan yang terkemuka di dalam dan luar negeri. Justeru itu, minyak sawit bertapis kini diterima dan diakui ramai kerana sifat-sifatnya dalam membantu pencegahan penyakit jantung, tidak mengandungi kolesterol serta kaya dengan vitamin E dan beta karotin yang mana menjadi agen anti-penyakit barah.

11. Satu faktor lagi yang memmanfaatkan dan memihak kepada perusahaan perladangan sawit ialah pada amnya ia dianggap baik daripada segi suasana alam sekitar. Penukaran kawasan tanah yang asalnya hutan rimba dengan tanaman komersil dan mampu hidup berpanjangan, bukan sahaja menyokong pembangunan yang kukuh tetapi juga pada asasnya membantu mengekalkan suasana alam semulajadi.

12. Sungguhpun kita merasa senang hati melihat industri minyak sawit kini dan seterusnya dalam keadaan sihat, ini bukan masanya untuk kita berpuashati dan berpeluk-tubuh. Sebenarnya, masa paling baik untuk menyediakan diri terhadap sebarang angkara ialah pada waktu-waktu kemewahan dan kemakmuran. Sepertimana kita sedia maklum, sektor minyak dan lelemak merupakan urusaniaga yang paling kompetitif dan memerlukan mutu barangan yang tertinggi. Demi menjaga kedudukan kompetitifnya, industri minyak sawit perlu meningkatkan usaha penyelidikan ke atas pelbagai peringkat pengeluaran dari penanaman hingga ke hasilan terakhir, baik dalam bentuk barangan makanan atau bukan-makanan. Ini merupakan usaha yang bukan mudah. Tetapi sebaliknya ianya juga bukan suatu yang mustahil. Ianya memerlukan pelaburan diparas yang lebih tinggi khususnya ke atas sumber tenaga manusia supaya industri minyak sawit mempunyai golongan kakitangan yang terlatih dan para saintis yang mahir untuk membuat perancangan serta berkebolehan menyelesaikan masalah di beberapa peringkat peredaran pengeluaran dan pemasaran.

13. Oleh kerana masalah kekurangan pekerja di ladang-ladang, salah satu keperluan penting sektor perladangan ialah penggunaan jentera bagi kegiatan-kegiatan yang banyak memerlukan tenaga manusia. Usaha mekanisasi ini bukan sahaja dapat mengatasi masalah tenaga buruh, tetapi juga selanjutnya meningkatkan kadar produktiviti. Ini merupakan masalah genting yang perlu diatasi oleh industri minyak sawit supaya sentiasa sihat, cergas dan sedia bersaing.

14. Kerajaan akan memainkan peranannya bagi menjalinkan suasana dagangan yang 'conducive' dan menggalakkan agar proses peralihan ekonomi ke arah perindustrian akan terus berkembang. Ini perlu untuk membolehkan ekonomi negara terus maju. Pembangunan yang berasaskan pertanian dan komoditi utama adalah pada hakikatnya tidak stabil dan terdedah kepada manipulasi pasaran. Menyedari hakikat ini, Kerajaan akan meningkatkan usaha untuk terus melaksanakan proses perindustrian dengan tujuan untuk menambah nilai kepada bahan-bahan mentah keluaran negara supaya dapat mengurangkan pendedahan kepada ketidakpastian harga komoditi.

15. Ekonomi Malaysia adalah sebahagian daripada ekonomi Rantau Pinggiran Pasifik, yang telah dikenalpasti sebagai kawasan perkembangan ekonomi yang pesat bagi tempoh abad ke dua puluh satu. Prospek yang dinamik ini merupakan bukan sahaja suatu rahmat tetapi juga satu cabaran. Cabaran ini mesti dihadapi dengan bijak dan tabah hati. Sebagai negara yang membangun, kita tidak boleh berlagak sebagai negara maju. Kita harus menggunakan 'comparative advantage' kita, terutama kos rendah kita, tanpa dipengaruhi oleh hasutan daripada pihak yang bersaing dengan kita yang ingin melihat kos kita meningkat.

16. Penyertaan Procter & Gamble dalam projek usahasama ini sudah tentu akan menghasilkan pemindahan teknologi pemerosesan yang lebih canggih ke Malaysia dan memberi sumbangan daripada segi latihan kepada penduduk tempatan. Adalah diharapkan ianya juga akan dapat menambahkan minat penanaman pelaburan dan menggalakkan banyak lagi pelabur dari Amerika Syarikat dan syarikat gergasi antarabangsa untuk mengambil peluang yang sedia ada di Malaysia, bukan sahaja dalam sektor oleokimia tetapi juga di bidang perusahaan lain.

17. Saya sekali lagi mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi tahniah kepada Procter & Gamble dan Felda di atas kegigihan mereka. Saya yakin bahawa dengan teknologi dan kemahiran pemasaran Procter & Gamble serta bekalan daripada sumber Felda, usahasama ini akan mendapat kejayaan dan membuka peluang untuk menerokai aktiviti-aktiviti yang lebih mencabar di masa depan.

18. Dengan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan Kilang FPG Oleochemicals Sdn Bhd.